

Himpun senarai pesalah terhadap kanak-kanak

Daftar Kanak-Kanak (DKK) menghimpunkan senarai pesalah yang melakukan jenayah mengikut Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 adalah rekod khas untuk rujukan majikan yang terbabit dalam perniagaan berkaitan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, inisiatif itu diambil bukan bertujuan untuk mengaibkan individu terbabit, sebaliknya langkah pencegahan bagi mengelak kejadian (jenayah) sama daripada berulang.

Bagaimanapun, katanya, keputusan mengambil individu itu bekerja masih tertakluk kepada kebijaksanaan majikan.

“Sehingga kini ada 102 nama individu yang melakukan 1,154 jenayah



ROHANI